

**TATACARA PELAKSANAAN
PEMASYARAKATAN
PERKHIDMATAN
KLINIK PERGIGIAN
SEKOLAH (PPKPS)
(Fasa 1)**

PENGHARGAAN

Dr. Noormi binti Othman

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah-Pengarah Bahagian

Program Kesihatan Pergigian

Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengurusan Tertinggi Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kementerian Pendidikan Malaysia

Ahli Jawatankuasa Pembangunan Tatacara Pelaksanaan Pemasyarakatan
Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah (PPKPS)

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih turut diucapkan kepada individu-individu yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan tatacara ini.



PRAKATA
PENGARAH KANAN (KESIHATAN PERGIGIAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah (PPKPS) merupakan satu inisiatif yang selari dengan Pelan Tindakan Kesihatan Global 2023-2030 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di bawah Objektif Strategik 2: Mempromosikan kesihatan dan pencegahan penyakit pergigian, di mana promosi yang lebih komprehensif di sekolah-sekolah dapat disampaikan. PPKPS bertujuan untuk memperluas dan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah kepada murid sekolah, guru, anggota pelaksana dan ahli keluarga mereka. Inisiatif ini telah mendapat kelulusan pelaksanaannya menerusi Mesyuarat Jawatan Kuasa Dasar dan Perancangan Kesihatan Pergigian KKM (JDPKP) Bilangan 5 Tahun 2020. Inisiatif ini juga telah diluluskan oleh Mesyuarat Induk 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 1 Tahun 2021 pada 10 Jun 2021. Pada peringkat awal, KPM telah bersetuju ia dijalankan secara rintis di beberapa buah negeri menerusi surat kelulusan [KPM.600-8/2/7 Jld.24(62) bertarikh 13 Mei 2022] sebelum ia diperluaskan.

PPKPS merupakan kerjasama diantara KKM dan KPM, di mana ia telah dijadikan sebagai indikator Pengurusan Tertinggi KKM. Sebanyak 250 buah sekolah bakal melaksanakan PPKPS menjelang tahun 2025. Justeru, tatacara ini dibangunkan dengan kerjasama di antara Program Kesihatan Pergigian, KKM dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM sebagai rujukan anggota di lapangan.

Akhir kata diharapkan agar inisiatif pemasyarakatan ini memberi manfaat kepada komuniti sekolah dalam usaha meningkatkan tadbir urus pelaksanaan dasar yang mempromosikan kesihatan pergigian yang baik, pencegahan penyakit pergigian yang boleh dicapai oleh semua orang, persekitaran sekolah yang mengurangkan faktor risiko mendapat penyakit pergigian, penerapan amalan penjagaan kesihatan pergigian sendiri yang baik kepada setiap individu, dan komuniti sekolah yang bersama-sama mempromosikan pencegahan penyakit pergigian. Ia adalah amat penting dilaksanakan demi meningkatkan status kesihatan pergigian yang terbaik terhadap individu dan komuniti sekolah masing-masing. Semoga usaha murni ini membawa seribu keberkatan kepada semua pihak dan beroleh kejayaan!

DR. NOORMI BINTI OTHMAN
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
PRAKATA.....	ii
SENARAI LAMPIRAN	3
DEFINISI	4
1.0 TUJUAN	6
2.0 PENGENALAN	6
2.1 Perkhidmatan Pergigian Sekolah	7
2.2 Klinik Pergigian Sekolah	7
2.3 Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah (PPKPS)	8
3.0 KONSEP DAN RASIONAL.....	9
3.1 Konsep.....	9
3.2 Rasional	9
3.2.1 Mengoptimumkan Penggunaan Fasilitas Pergigian di KPS	9
3.2.2 Memperluaskan Peranan Anggota Pergigian di KPS	9
3.2.3 Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Berhubung Penjagaan Kesihatan Pergigian Secara Kendiri	10
4.0 OBJEKTIF.....	10
4.1 Objektif Umum.....	10
4.2 Objektif Khusus	10
5.0 PERANCANGAN	11
5.1 Skop	11
5.2 Syarat–Syarat PPKPS	11
5.2.1 Kemudahan dan Kelengkapan Asas KPS	11
5.2.2 Sumber Manusia.....	12
5.2.3 Kelengkapan Aset dan Peralatan Pergigian.....	12
5.2.4 Alat Pelindung Diri (PPE) dan Bahan-Bahan Pergigian	12
5.2.5 Kebenaran dan Persetujuan Pihak Sekolah.....	12
5.3 Peranan KKM dan KPM	13
5.3.1 Peranan KKM.....	13
5.3.2 Peranan KPM	13

6.0	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PPKPS	14
6.1	Tanggungjawab	14
6.2	Perancangan Aktiviti	14
6.3	Pelaksanaan Aktiviti	15
6.3.1	Pelaksanaan PPKPS Bagi Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana dan Ahli Keluarga...	15
6.4	Prosedur Standard Aktiviti Pemasarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah	15
6.4.1	Komunikasi Perancangan	15
6.4.2	Aktiviti Promosi Kesihatan Pergigian.....	16
6.4.3	Persediaan untuk rawatan	16
6.4.4	Rawatan.....	16
6.4.5	Rujukan Pesakit	17
7.0	PEMANTAUAN DAN PENILAIAN.....	17
7.1	Pemantauan	17
7.2	Penilaian.....	17
8.0	KESIMPULAN	18

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Cadangan Kelengkapan Aset (Perubatan Dan Bukan Perubatan) Dan Peralatan Pergigian	21
Lampiran B	Carta Alir Pelaksanaan PPKPS	23
Lampiran C	Reten PPKPS	24

DEFINISI

Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana	Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana yang bertugas di sekolah yang mempunyai HRMIS di bawah pentadbiran sekolah.
Ahli Keluarga	a) Ahli keluarga kepada guru dan anggota kumpulan pelaksana. Keluarga adalah merujuk kepada tafsiran sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Am 1(iii) Bab F Tahun 1974 seperti berikut : i. Suami/Isteri dan anak-anak ii. Ibu bapa yang sah kepada pegawai b) Anak-anak yang berkecayaan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun. Walau bagaimanapun bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah 'anak' akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang.
Audit	Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Audit Sistem Pengurusan Kualiti (ISO) dan lain-lain audit/pemantauan yang berkaitan.

Waktu Operasi KPS

Kumpulan A: Semua Negeri Kecuali Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

Mengikut Jadual (Kecuali Sabtu, Ahad, Cuti Umum & Hari Kelepasan Am)

8.00 pagi – 5.00 petang

Waktu Rehat

Isnin – Khamis : 1.00 tengah hari – 2.00 petang

Jumaat : 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Kumpulan B : Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

Mengikut Jadual (Kecuali Jumaat, Sabtu, Cuti Umum & Hari Kelepasan Am)

Ahad – Rabu : 8.00 pagi – 5.00 petang

Khamis : 8.00 pagi – 3.30 petang

Waktu Rehat

1.00 tengah hari – 2.00 petang

TATACARA PELAKSANAAN PEMASYARAKATAN PERKHIDMATAN KLINIK PERGIGIAN SEKOLAH (PPKPS) FASA 1

1.0 TUJUAN

Dokumen ini menggariskan pelaksanaan Projek Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah (PPKPS) yang akan dijalankan di sekolah-sekolah terpilih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perkhidmatan PPKPS di dalam tatacara ini merupakan perkhidmatan yang disampaikan kepada guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka di sekolah tersebut.

2.0 PENGENALAN

Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS) adalah satu perkhidmatan yang diwujudkan oleh KKM kepada murid-murid sekolah bagi memastikan penjagaan kesihatan tubuh badan yang optimum. RKS telah diwujudkan di negara ini pada tahun 1967 dengan berteraskan kepada perkhidmatan kesihatan diri, pendidikan kesihatan melalui kurikulum dan kesihatan persekitaran.

Mulai tahun 1975, RKS telah ditambah baik dengan membentuk Pasukan Kesihatan Sekolah (PKS) bagi membolehkan lawatan dibuat ke sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia. Pasukan ini terlibat dengan perkhidmatan kesihatan di sekolah yang terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu:

- i. Perkhidmatan Kesihatan Sekolah
- ii. Perkhidmatan Pergigian Sekolah
- iii. Perkhidmatan Alam Sekitar Sekolah

2.1 Perkhidmatan Pergigian Sekolah

Perkhidmatan Pergigian Sekolah ialah perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian yang komprehensif dan sistematik kepada murid-murid sekolah untuk memastikan mereka mempunyai kesihatan mulut yang baik apabila mereka menamatkan zaman persekolahan. Pegawai Pergigian (PP) dan Juruterapi Pergigian (JP) bertanggungjawab memeriksa dan merawat murid-murid sekolah tersebut¹.

Perkhidmatan Pergigian Sekolah dijalankan secara inkremental melalui tiga (3) kaedah penyampaian iaitu¹:

- i. Klinik Pergigian Sekolah (KPS)
- ii. Pasukan Pergigian Bergerak (PPB)
- iii. Klinik Pergigian Bergerak (KPB)

KPS adalah fasiliti pergigian di sekolah yang terletak di dalam bilik khas di sekolah-sekolah rendah dan menengah terpilih yang mempunyai enrolmen murid melebihi 1,000 orang¹. PPB pula merupakan perkhidmatan kesihatan pergigian sekolah yang dijalankan oleh PPB dengan menggunakan peralatan mudah alih. Penyampaian perkhidmatan pergigian melalui KPB pula menggunakan sebuah kenderaan yang diubah suai yang dilengkapi dengan kerusi dan peralatan pergigian.

2.2 Klinik Pergigian Sekolah

Bagi mewujudkan klinik pergigian sekolah, pihak sekolah akan menyediakan bilik/ruang untuk dijadikan bilik rawatan pergigian di mana satu (1) atau dua (2) buah unit pergigian ditempatkan. Program Kesihatan Pergigian KKM akan menguruskan KPS terlibat dari segi penyediaan anggota, pembelian aset dan pemberian perkhidmatan. Klinik Pergigian Sekolah kemudiannya didaftarkan dalam pangkalan data di Pusat Informatik Kesihatan (PIK) KKM sebagai fasiliti yang menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian².

¹ Oral Health Division. (2006). Oral Healthcare for School Children in Malaysia (MOH/K/GIG/5.2007(BK)ed.). Ministry of Health Malaysia.

² Rancangan Malaysia ke Sebelas 2016-2020 (RMK11).(2015).

Laporan Taburan Fasilitas dan Perkhidmatan Pergigian KKM 2016 menunjukkan terdapat 925 buah KPS di KKM iaitu sepuluh (10) buah Pusat Pergigian Sekolah (PPS), 693 buah KPS berada di sekolah rendah dan 222 buah KPS di sekolah menengah³. Kajian pada tahun 2011 mendapati hanya 56% daripada KPS sedia ada digunakan sepenuh masa (*fully utilized*)⁴. Dalam kajian tersebut, definisi yang telah ditetapkan bagi KPS yang digunakan sepenuh masa adalah seperti berikut:

- i. KPS tersebut digunakan setiap hari oleh JP yang ditempatkan di KPS tertentu.
- ii. Menjalankan pemeriksaan, rawatan (kuratif atau pencegahan) serta pendidikan kesihatan pergigian tanpa bantuan dari PPB.

2.3 Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah (PPKPS)

Dalam usaha untuk memastikan kesihatan pergigian murid-murid sekolah berada dalam keadaan optimum, ibu bapa dan masyarakat setempat memainkan peranan secara langsung selain daripada hanya menerima perkhidmatan pergigian sekolah. Kajian menunjukkan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pembentukan sikap dan tingkah laku anak-anak mereka⁵.

Pelaksanaan PPKPS dilaksanakan secara berfasa iaitu :

- i. Fasa 1 : Penyampaian perkhidmatan pergigian kepada guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka.
- ii. Fasa 2 : Penyampaian perkhidmatan pergigian diperluaskan kepada ibu bapa murid dan masyarakat setempat.

³ Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2018). Taburan Fasilitas dan Perkhidmatan Pergigian 2016.

⁴ Dr. Mohd Zaid bin Abdullah. (2011). *The Evaluation of School Dental Clinic Utilisation by Dental Personnel in Ministry of Health*. Post Graduate University of Science, Malaysia (USM) Project 2012.

⁵ World Health Organization. (2003). *Oral Health Promotion: An Essential Element of a Health-Promoting School*. Geneva: WHO.

3.0 KONSEP DAN RASIONAL

3.1 Konsep

Pemasyarakatan didefinisikan sebagai perbuatan atau hal memasyarakatkan. Pemasyarakatan dalam perkhidmatan pergigian adalah memasyarakatkan atau menyebarkan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada masyarakat setempat.

Anggota pergigian KPS boleh membuat perancangan untuk memberi rawatan pergigian dan aktiviti promosi kesihatan pergigian di KPS dan komuniti sekolah berdasarkan penilaian risiko penyakit pergigian. Langkah penambahbaikan kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan dan promosi pergigian sedia ada perlu dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang lebih efisien berbanding perkhidmatan sedia ada.

3.2 Rasional

3.2.1 Mengoptimumkan Penggunaan Fasiliti Pergigian di KPS

KPS digunakan setiap hari waktu bekerja tanpa bantuan PPB. Namun sehingga 2011 didapati, hanya 56% KPS sedia ada digunakan sepenuh masa⁴.

Sehubungan itu terdapat keperluan untuk mengoptimumkan penggunaan KPS setiap hari memandangkan KPM telah menyediakan fasiliti di sekolah untuk penyampaian perkhidmatan pergigian kepada murid-murid sekolah. Melalui perluasan skop perkhidmatan KPS kepada aktiviti pemasyarakatan, penggunaan KPS dapat ditingkatkan.

3.2.2 Memperluaskan Peranan Anggota Pergigian di KPS

Perkhidmatan pergigian sekolah di KPS sedia ada hanya tertumpu kepada murid-murid di sekolah tersebut sahaja. Dengan mengambil kira faktor penentu kesihatan, tumpuan seharusnya perlu diberikan kepada gaya hidup dan faktor sekeliling. Bertepatan dengan konsep memasyarakatkan perkhidmatan KPS, peranan anggota pergigian dapat diperluaskan mencakupi masyarakat setempat bagi menurunkan risiko

penyakit dalam kalangan masyarakat dan seterusnya mengoptimumkan kesihatan pergigian.

3.2.3 Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Berhubung Penjagaan Kesihatan Pergigian Secara Kendiri

Tingkah laku dan tindakan individu, keluarga dan masyarakat perlu berubah supaya gaya hidup sihat dapat diamalkan. Masyarakat perlu diberikan pengetahuan dan kemahiran dalam membuat keputusan mengenai keperluan penjagaan kesihatan termasuk kesihatan pergigian. Melalui pendekatan PPKPS, lebih banyak aktiviti dan program dapat dirancang bagi memastikan kesinambungan pendidikan kesihatan pergigian. Selain itu, pelaksanaan PPKPS ini akan menyumbang kepada keberkesanan Kempen Pemeriksaan Pergigian Sekurang-kurangnya Sekali Setahun (PEPS1S).

4.0 OBJEKTIF

4.1 Objektif Umum

- i. Pengukuhan peranan dan mempertingkatkan *oral health literacy* (literasi kesihatan mulut) dalam kalangan komuniti sekolah demi memelihara kesihatan mulut murid-murid sekolah.
- ii. Mengoptimumkan penggunaan KPS melalui perluasan skop perkhidmatan pergigian kepada guru dan anggota kumpulan pelaksana serta ahli keluarga mereka.

4.2 Objektif Khusus

- i. Meningkatkan status kesihatan pergigian guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka.
- ii. Meningkatkan kesedaran kesihatan pergigian di kalangan guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka.
- iii. Meningkatkan bilangan KPS yang melaksanakan pemasyarakatan perkhidmatan pergigian.

5.0 PERANCANGAN

5.1 Skop

Fasa 1 projek ini akan dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang mempunyai KPS. Perkhidmatan pergigian melalui PPKPS yang telah dikenalpasti akan dikategorikan seperti berikut:

- a. Guru dan anggota kumpulan pelaksana di sekolah tersebut
- b. Ahli keluarga guru dan anggota kumpulan pelaksana di sekolah tersebut (tertakluk kepada Pengesahan Majikan/Sekolah).

Pemilihan KPS adalah berdasarkan syarat-syarat minimum yang dinyatakan di para 5.2. Syarat minimum hendaklah dicapai bagi menentukan kebolehlaksanaan PPKPS. Waktu operasi PPKPS mengikut waktu pejabat dan tidak tertakluk kepada sesi persekolahan.

Pelaksanaan PPKPS dapat memberi kemudahan secara langsung kepada semua guru dan anggota kumpulan pelaksana di sekolah untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan pergigian yang ditawarkan di KPS tanpa perlu keluar dari kawasan sekolah semasa waktu bekerja.

5.2 Syarat–Syarat PPKPS

5.2.1 Kemudahan dan Kelengkapan Asas KPS

Setiap KPS perlu mempunyai bekalan air dan punca kuasa elektrik yang mematuhi piawaian yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSA) 1994 bagi tujuan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan anggota pergigian di KPS. Setiap bilik rawatan perlu mempunyai soket 15 amp untuk autoklaf dan 13 amp untuk peralatan pergigian yang menggunakan kuasa elektrik rendah.

Bilik rawatan perlu mempunyai pengudaraan, pencahayaan yang sempurna dan perlu mempunyai ruang untuk penyimpanan dokumen/kad rawatan dan peralatan pergigian. Selain itu, dicadangkan untuk disediakan tempat bersesuaian bagi penyimpanan bahan-bahan tampalan, ubat-ubatan serta sisa klinikal.

5.2.2 Sumber Manusia

Daerah/klinik perlu membuat perancangan sumber manusia agar PPKPS dapat beroperasi mengikut jadual dan skop yang ditetapkan. Agihan beban kerja perlu dirancang di peringkat daerah dan klinik supaya beban kerja dapat diseimbangkan dan perjawatan sedia ada dioptimumkan. Penyeliaan adalah dibawah Pegawai Pergigian Yang Menjaga (PPYM) klinik tersebut. PPYM hendaklah melakukan pemantauan berkala ke atas anggota pergigian yang bertugas termasuk menjalankan audit.

5.2.3 Kelengkapan Aset dan Peralatan Pergigian

KPS seharusnya mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang mencukupi untuk pemberian perkhidmatan. Cadangan kelengkapan aset (perubatan dan bukan perubatan) dan peralatan pergigian adalah seperti di **Lampiran A**.

5.2.4 Alat Pelindung Diri (PPE) dan Bahan-Bahan Pergigian

Alat Pelindung Diri atau *Personal Protective Equipment* (PPE) dan bekalan bahan pergigian untuk rawatan pergigian hendaklah mencukupi untuk kegunaan di KPS. Anggota pergigian di KPS perlu mengemaskini stok bahan secara berkala bagi memastikan bahan mencukupi dan tiada bahan telah tamat tempoh.

5.2.5 Kebenaran dan Persetujuan Pihak Sekolah

Di peringkat kementerian, persetujuan umum antara KKM dan KPM perlu diperolehi sebagai punca kuasa pelaksanaan PPKPS. Di peringkat negeri, Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri (BKP Negeri) perlu bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) agar perkhidmatan ini berjalan dengan lancar.

5.3 Peranan KKM dan KPM

5.3.1 Peranan KKM

- a. Memberi perkhidmatan pergigian di KPS merujuk kepada garis panduan sedia ada (Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah 2020 dan Prosedur Operasi Piawai Rawatan Asas Pergigian 2020) serta lain-lain garis panduan yang berkaitan.
- b. Membuat hebahan dan promosi berhubung perkhidmatan PPKPS kepada guru, anggota kumpulan pelaksana dan keluarga mereka.
- c. Mewujudkan pangkalan data kes-kes janji temu secara harian dan bulanan. Rekod/buku janji temu mestilah dikemaskini dan mudah untuk dirujuk dari semasa ke semasa.
- d. Menyediakan carta alir pengurusan kecemasan perubatan di KPS.
- e. Menyediakan dan membuat pelaporan bagi PPKPS mengikut format yang disediakan.
- f. Anggota pergigian di KPS perlu memastikan aset dalam keadaan baik dan memastikan penyelenggaraan dijalankan secara berkala.
- g. Melaporkan isu-isu keselamatan pesakit dan perawat kepada pihak sekolah dan pengawal keselamatan.
- h. Memastikan fasiliti sekolah yang digunakan dijaga dengan sebaik mungkin sesuai peraturan sekolah yang berkenaan.
- i. Membentangkan laporan kesihatan pergigian kepada pihak pengurusan sekolah termasuk mengadakan perbincangan bersama dalam menghadapi kekangan semasa pelaksanaan program PPKPS.
- j. Membuat penilaian terhadap pelaksanaan PPKPS dari semasa ke semasa.

5.3.2 Peranan KPM

- a. Mengenalpasti pegawai yang bertanggungjawab terhadap program PPKPS dilantik di peringkat kementerian/negeri/daerah/sekolah.
- b. Memberi kebenaran memanjangkan perkhidmatan pergigian kepada guru dan anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga.
- c. Memastikan keselamatan fasiliti dan aset terjamin dengan mengadakan kawalan keselamatan 24 jam.

- d. Memastikan kemudahan fizikal bilik rawatan dalam keadaan baik untuk berfungsi.
- e. Bekerjasama dengan pihak KKM dengan memberikan kebenaran anggota pergigian menggunakan kemudahan sistem kehadiran kerja di sekolah.
- f. Menanggung kos utiliti seperti bil air dan elektrik.
- g. Membenarkan ahli keluarga guru dan anggota kumpulan pelaksana hadir ke KPS untuk mendapat pemeriksaan dan rawatan pergigian (melalui janji temu) tertakluk kepada peraturan sekolah yang sedang berkuat kuasa.

6.0 PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PPKPS

6.1 Tanggungjawab

Pasukan pergigian bertanggungjawab untuk merancang penyampaian perkhidmatan PPKPS bagi memastikan **manfaat secara langsung kepada guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka di sekolah** berkenaan. Keutamaan perkhidmatan pergigian diberikan kepada murid sekolah. Manakala, penyampaian perkhidmatan pergigian kepada guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka akan diberikan secara janji temu mengikut kesesuaian pelaksanaan di sekolah masing-masing.

6.2 Perancangan Aktiviti

- i. Klinik Pergigian hendaklah membuat perancangan dari segi bahan pergigian, sumber manusia dan keperluan adalah mencukupi bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan di KPS.
- ii. Pihak pergigian perlu merancang dan membuat hebahan, komunikasi dan promosi yang strategik mengenai perkhidmatan pergigian yang ditawarkan di KPS kepada guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka agar perkhidmatan yang disediakan dapat dioptimumkan.

6.3 Pelaksanaan Aktiviti

6.3.1 Pelaksanaan PPKPS Bagi Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana dan Ahli Keluarga

Pelaksanaan PPKPS bagi guru dan anggota kumpulan pelaksana serta ahli keluarga mereka dijelaskan di bahagian ini dan dibaca bersama-sama dengan carta alir di **Lampiran B**.

- i. Guru dan anggota kumpulan pelaksana serta ahli keluarga mereka yang ingin membuat rawatan pergigian perlu mendapatkan janji temu terlebih dahulu di KPS, kecuali bagi kes-kes kecemasan.
- ii. Pesakit yang hadir ke KPS perlu didaftarkan di dalam Borang PG 211C. Dokumen sokongan seperti Kad Pengenalan / Surat Pengesahan Majikan perlu disertakan bersama.
- iii. Semua pesakit akan menjalani pemeriksaan dan pencartaan pergigian serta menerima pendidikan kesihatan pergigian mengikut kaedah yang bersesuaian.
- iv. Pesakit akan diberi rawatan mengikut keperluan samada di KPS atau dirujuk ke klinik pergigian / klinik pakar pergigian yang berhampiran.
- v. Janji temu susulan akan diberikan sekiranya perlu.

6.4 Prosedur Standard Aktiviti Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah

Prosedur standard rawatan kepada guru dan anggota kumpulan pelaksana serta ahli keluarga mereka perlu merujuk kepada Prosedur Operasi Piawai Rawatan Asas Pergigian 2020⁶.

6.4.1 Komunikasi Perancangan

Sebelum menjalankan rawatan di KPS, komunikasi bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/sekolah adalah amat penting bagi memastikan kelancaran program. Antara perkara yang dapat dibincangkan bersama pihak tersebut adalah ketersediaan

⁶ Oral Health Programme. (2020). Operasi Piawai Rawatan Asas Pergigian 2020 (MOH/K/GIG/5-2020 (GU)). Ministry of Health Malaysia.

fasiliti dalam menjalani program ini dan perancangan tahunan aktiviti anggota pergigian di sekolah. Selain itu juga, laporan kesihatan pergigian warga kerja sekolah juga boleh dibincangkan di mesyuarat yang bersesuaian contohnya Mesyuarat Pengurusan Sekolah.

6.4.2 Aktiviti Promosi Kesihatan Pergigian

- i. Membuat perancangan menjalankan aktiviti promosi pergigian mengikut kesesuaian seperti Hari Kesihatan Sekolah, Hari Kantin Sekolah dan sebagainya.
- ii. Bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah bagi mengadakan aktiviti promosi kesihatan pergigian di sekolah dengan mengambil kira fungsi guru sebagai agen perubahan.

6.4.3 Persediaan untuk rawatan

Bagi guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka yang ingin mendapatkan rawatan di KPS, mereka perlulah membawa bersama Surat Pengesahan Majikan/*Guarantee Letter (GL)*. Ini adalah amat penting bagi mendapatkan pengecualian caj rawatan. Kebenaran rawatan juga perlu diperolehi sebelum memulakan rawatan.

6.4.4 Rawatan

Guru, anggota kumpulan pelaksana dan ahli keluarga mereka yang datang ke PPKPS akan diberi rawatan sehingga selesai, mengikut kesesuaian KPS. Rawatan pergigian yang diberikan meliputi :

- a. Promotif
- b. Pencegahan klinikal
- c. Rawatan asas (*simple curative*) – termasuk rawatan kecemasan, konsultasi, pemeriksaan pergigian, penskaleran, tampalan gigi, cabutan (sekiranya perlu) dan lain-lain yang berkaitan.

6.4.5 Rujukan Pesakit

Anggota pergigian di KPS mengenalpasti kes-kes yang memerlukan rujukan dan memastikan rujukan dibuat. Contoh kes-kes rujukan adalah seperti berikut:

- a. Kes *Medically Compromised*
- b. Kes Ortodontik
- c. Kes Trauma Pergigian
- d. Kes Prostetik
- e. Kes Endodontik
- f. Kanak-Kanak Keperluan Khas

7.0 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

7.1 Pemantauan

Bagi memastikan keberkesanan PPKPS, pemantauan dilakukan ke atas proses penyampaian perkhidmatan melalui aktiviti seliaan dan audit di peringkat zon/daerah/bahagian/kawasan, negeri dan Program Kesihatan Pergigian. Laporan PPKPS hendaklah dibuat secara berkala menggunakan borang PG 211C dan PPKPS 1/2023. Sebarang tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang dikenalpasti perlu diambil tindakan dengan sewajarnya.

Borang	Kekerapan penghantaran
PG 211C	Bulanan
PPKPS 1/2023	3 bulanan

7.2 Penilaian

Selepas program dilaksanakan, penilaian perlu dibuat sebagai rutin bagi menentukan tahap pencapaian objektif utama dan khusus program dari aspek pemberian perkhidmatan dan kesesuaian, penerimaan dan keberkesanan aktiviti.

8.0 KESIMPULAN

PPKPS adalah satu langkah ke hadapan untuk meningkatkan taraf kesihatan mulut rakyat. Pada fasa ini, perkhidmatan pergigian diberikan kepada guru, anggota kumpulan pelaksana serta ahli keluarga guru dan anggota kumpulan pelaksana di sekolah berkenaan.

Inisiatif PPKPS ini juga akan menambahbaik program sedia ada dimana penggunaan KPS dan sumber manusia dapat dioptimumkan. Fasa selanjutnya akan diteruskan kepada ahli PIBG dan masyarakat di sekitar sekolah berkenaan.

LAMPIRAN

**CADANGAN KELENGKAPAN ASET (PERUBATAN DAN BUKAN PERUBATAN)
DAN PERALATAN PERGIGIAN**

A. Senarai Aset (Perubatan dan Bukan Perubatan)

1. Kerusi Pergigian Tetap atau *Dental Cum Chair Unit* (DCCU) yang lengkap dan berfungsi
2. *Operator* dan *assisstant stool*
3. Autoklaf
4. Unit *light cure*
5. Amalgamator
6. *Chiller* untuk penyimpanan bahan-bahan pergigian
7. *Freezer* untuk penyimpanan sisa-sisa klinikal
8. *Extraoral Vacuum Suction* (EOVS) – pilihan
9. *Air Decontamination Unit* (ADU) – pilihan
10. Komputer Meja atau Riba - pilihan

B. Senarai Peralatan Pergigian


1. Model Gigi Kegigian Desidus dan Kekal
2. *Examination set* termasuk *tray*, *probe*, *perio probe*, *mouth mirror* dan *tweezer*
3. *Plastic instrument*
4. *Amalgam carrier* dan *well*
5. *Amalgam carver*
6. *Amalgam burnisher*
7. *Amalgam plugger*
8. *Dycal applicator*
9. *Excavator*
10. *Matrix band*
11. *Stainless steel cement spatula* dan *mixing glass slab*
12. *Dressing jar*
13. *Rectangular tray*
14. *Bur block*

15. *Gallipot*
16. *Kidney dish*
17. *Forcep upper deciduous / permanent – root*
18. *Forcep upper deciduous / permanent – anterior*
19. *Forcep upper deciduous / permanent – molar*
20. *Forcep lower deciduous / permanent – root*
21. *Forcep lower deciduous / permanent – anterior*
22. *Forcep lower deciduous / permanent – molar*
23. *Local anesthesia (LA) syringe, catridge dan jarum*
24. *Warwick James* kanan, kiri dan lurus
25. *Coupland* – Size 1, 2, 3
26. *Cryer* kanan dan kiri

C. Senarai Peralatan Lain

1. Tong sisa klinikal
2. Tong sisa domestik
3. Peti pertolongan kecemasan
4. Peti cadangan
5. Alat pemadam api
6. Papan pameran
7. Cermin muka

CARTA ALIR PELAKSANAAN PPKPS (FASA 1)



SENARAI RETEN PPKPS

SISTEM MAKLUMAT KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
REKOD KEHADIRAN BULANAN PESAKIT WARGANEGERA/ BUKAN WARGANEGERA BAGI PERKHIDMATAN PERGIGIAN OUTREACH
BAGI BULAN.....TAHUN.....

SERVIS:
FASILITI:
DAERAH:
NEGERI:

[illegible]

[illegible]

